

5 fakta hambat ekonomi negara terus melonjak

PM tekad buat anjakan, perubahan pacu pertumbuhan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam berkongsi lima fakta dan angka sebenar yang membelit ekonomi dan memberi tantangan atau cabaran kepada negara.

Menegaskan beliau tidak mahu cuba mengaburi minda rakyat dengan data memukau, Perdana Menteri berkata, ia sebaliknya bertunjangkan tekad politik untuk membuat anjakan dan perubahan perlu bagi memacu pertumbuhan serta menghapuskan amalan tamak haloba elit penguasa.

Dalam pembentangan Belanjawan 2023, Anwar menggariskan lima fakta berkenaan, pertama adalah kerajaan mewarisi bebanan hutang terlalu tinggi dengan Malaysia mengalami kemerosotan dalam pentadbiran dan perlu menempuh ketidaktentuan ekonomi dunia.

Selain itu, pelaburan yang belum mencapai prestasi sebelum pandemik COVID-19 dan tantangan ekonomi mengesankan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, hutang negara akan menjangkau RM1.2 trilion atau lebih 60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2023 dan jika dihitung hutang serta liabiliti, ia mencecah RM1.5 trilion atau 81 peratus KDNK.

"Bayaran khidmat hutang tahun ini juga mencecah RM46 bilion atau 16 peratus daripada hasil, melebihi had maksimum 15 peratus yang selama ini diamalkan. Kita pernah berhutang untuk membangunkan tanah FELDA dan itu tidaklah digusarkan.

"Tetapi berhutang membiayai projek mega tanpa faedah, mengundang persoalan apakah kita mengkhianati amanah jika gene-



rasi anak muda dibebani dengan hutang," katanya menegaskan rasuah dan penyelewengan seolah-olah sudah sistemik sehingga merosakkan tadbir urus kerajaan dan mencalar imej negara.

Katanya, amalan itu memberi kesan, antaranya kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 dan ketirisan hampir RM3 bilion seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2020 dan 2021, meliputi kehilangan wang awam, pembaziran serta pembayaran tidak teratur.

"Inilah bukti pelbagai ketelanjuran yang memberi dampak buruk kepada negara. Ini mesti dihentikan jika kita mahu negara beranjak ke hadapan dengan gagah dan gemilang. Kita yang menentukan apakah masa depan negara akan rencat, melonjak atau terperjara.

"Ia tergantung kepada ruang kebijakan yang ingin diterjemahkan," katanya turut menjelaskan, kadar inflasi terus menekan disebabkan harga komoditi dunia yang masih tinggi dan gangguan rantaian bekalan makanan ketika ini, kesan perang antara Russia dan Ukraine.

Negara meraih pelaburan RM297.5 bilion tahun lalu, iaitu 9.4 peratus lebih rendah berbanding RM328.5 bilion pada 2019.

Kedudukan Malaysia dalam Senarai Daya Saing Dunia oleh Institut Pembangunan Pengurusan (IMD) juga jatuh ke tangga 32, sedangkan pernah menduduki tangga ke-12 apabila pelabur meyakini keupayaan ekonomi negara dan kecakapan jentera penyampaian awam.

"Kadar inflasi pada 2022 adalah 3.3 peratus, dengan inflasi makanan dicatat tinggi iaitu 5.8 peratus, yang dijangka lebih tinggi tahun



Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA/BH)

ini jika ketidaktentuan rantaian bekalan global tidak ditangani.

"Kadar pengangguran pada tahun lalu dicatat 3.6 peratus, ketimbang 3.3 peratus ketika prapandemik pada 2019, dengan pengangguran belia 25 tahun ke bawah masih melebihi 10 peratus dan purata pendapatan mereka juga rendah, iaitu sekitar RM1,700 pada 2021.

"Apa disebutkan adalah paparan secara jujur dan terang mengenai kemelut ekonomi yang kita warisi bersama, maka Belanjawan Madani ini harus punyai keupayaan menggembelng seluruh kekuatan dan tenaga untuk menterjemah kebijakan baharu," katanya.

Beliau mengajak pimpinan politik, pengemudi kementerian dan penjawat awam, selain pengusaha dan rakyat menerima kenyataan bahawa negara mampu mencipta lonjakan dan seterusnya tidak hanya diteladani negara tetangga serantau, tetapi juga dunia serta membenih keyakinan dalam kalangan rakyat.

Anwar juga memaklumkan, Belanjawan 2023 adalah langkah pertama menelusuri kerangka pembangunan Malaysia Madani,

merangkumi penumpuan kepada 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad, iaitu pemacuan ekonomi terangkum dan mampan, reformasi institusi dan tata kelola bagi memulihkan keyakinan serta keadilan sosial untuk menyederhana kesenjangan.

Dua belas ikhtiar yang digariskan adalah dari segi kemampuan fiskal, memenuhi keperluan ekonomi rakyat, mendepani musibah bencana, meraih pelaburan berimpak tinggi, pembaruan sektor awam dan memperkasa kerjasama awam-swasta.

Selain itu, mengutamakan agenda digital, memperkukuh peranan agensi dan syarikat kerajaan, menoktahkan miskin tegar, meminimum beban sara hidup, menjamin keharmonian dan perpaduan serta menyediakan keperluan asas berkualiti.

Menegaskan pembaziran dan rasuah mesti ditinggalkan, Anwar berkata, beliau memilih membentangkan belanjawan berteraskan semangat islah untuk hala tuju baharu lagi segar dan mengikis tanggapan kononnya kerajaan masih cenderung mempertahankan 'status quo' serta kepentingan golongan maha kaya.